UUM/DDC9/UM/19.11.2005/p: 9 (3)

110 siswa UUM terima zakat

um 19/11/05 9:3

SERAMAI 110 pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menerima wang zakat berjumlah RM400 setiap seorang, baru-baru ini.

Wang zakat tersebut adalah sumbangan daripada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Badan Amal Kebajikan Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) serta Pusat Islam.

Majlis penyerahan wang zakat itu telah disempurnakan oleh Naib Canselor UUM, Datuk Dr. Nordin Kardi sempena majlis berbuka puasa di Masjid Sultan Badlishah, Kampus Sintok, baru-baru ini.

Dr. Nordin dalam ucapannya berkata, menjadi tanggungjawab semua umat Islam dalam membina, membangun serta membebaskan negara daripada kemiskinan.

Justeru, beliau meminta semua kakitangan dan mahasiswa UUM untuk memberikan bantuan kepada sesiapa sahaja yang memerlukan.

"Sebagai seorang Muslim, mungkin kita merasakan telah melakukan kebajikan dan setelah dihitung serta dihisab, barulah kita mendapati diri kita belum banyak melakukan kebajikan.

"Jadi apa salahnya jika kita berbuat sedikit amal dengan memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan, moga-moga semuanya mendapat berkat," katanya.

Selain itu, beliau turut menasihatkan mereka yang menerima zakat supaya dapat menggunakan bantuan yang diberikan dengan baik.

Majlis berbuka puasa tersebut turut dihadiri timbalan-timbalan naib canselor UUM; wakil BIMB Kedah, Shaari Awang; pegawai-pegawai kanan universiti; dekan-dekan fakulti; kakitangan serta keluarga masing-masing.